

MAJLIS BANDARAYA SHAH ALAM
(BAHAGIAN KORPORAT DAN PERHUBUNGAN AWAM)

AKHBAR : SINAR HARIAN
TARIKH : 16 SEPTEMBER 2016

Banteras denggi menerusi Program Terjah Aedes

SHAH ALAM - Dalam usaha untuk memerangi demam denggi, pihak Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA) telah melaksanakan Program Terjah Aedes di Pusat Komersial, Seksyen 7 di sini.

Operasi itu selaras dengan tindakan bersepadu yang dilaksanakan di seluruh negeri Selangor untuk memeriksa kawasan yang berpotensi menjadi tempat pembiakan jentik-jentik.

Ketua Bahagian Korporat dan Perhubungan Awam MBSA, Shahrin Ahmad berkata, operasi itu diadakan di kawasan komersial Seksyen 7 melibatkan premis yang didiami penyewa dan pelajar daripada insti-

tusi pengajian tempatan (IPT) yang berhampiran.

"Petugas Jabatan Kesihatan Persekitaran MBSA mengambil langkah untuk melaksanakan tindakan pemeriksaan pada sebelah malam disebabkan ketiadaan dan penyewa premis yang bekerja dan para pelajar yang meneruskan pengajian pada waktu siang.

"Majlis juga memperkenalkan Unit Tindakan Denggi (UTD) iaitu unit yang ditubuhkan khas bagi kawasan yang mempunyai tempoh masa wabak melebihi 100 hari atau kes melebihi 100 kes.

"Unit ini akan ditetapkan di kawasan tersebut bagi menjalankan aktivi-

ti kawalan dan penyelesaian masalah secara berterusan sehingga tamat wabak," katanya.

Shahrin berkata, MBSA proaktif

untuk menangani masalah demam denggi di kawasan pentadbiran majlis dan pada masa yang sama menyeru warga Shah Alam dapat memastikan

keadaan persekitaran kediaman masing-masing berada dalam keadaan bersih dan bebas daripada pembiakan jentik-jentik. SH 16/9



Unit Tindakan Denggi (UTD) MBSA serta tetamu jemputan bergambar bersama Pengerusi Jawatankuasa Tetap Kesihatan, Kebajikan, Pembangunan Wanita dan Keluarga Negeri Selangor, Daroyah Alwi (empat, kiri) yang turut hadir pada program berkenaan di Seksyen 7, baru-baru ini.